

Headline  
Date  
Media Title  
Section  
Circulation  
Readership

**Menyelami pemikiran tiga pengarang kreatif**  
29. May 2008  
Berita Harian  
Hip  
217920  
2083000

Language  
Page No  
Article Size  
Frequency  
Color

MALAY  
B15  
911 cm2  
Daily  
Full Color



# Menyelami pemikiran tiga pengarang kreatif

*Karya A Samad Ismail, Dharmawijaya dan JM Aziz diteliti bagi mencari makna tersirat*

Oleh Nazmi Yaakub

**K**ETOKOHAN penerima Anugerah Ramon Magsaysay 1994, (Dr) A Samad Ismail dalam persuratan dan kesusasteraan Melayu tidak mendapat perhatian sewajarnya daripada sarjana tempatan meskipun beliau menjadi tokoh penting dalam perkembangan persuratan Melayu.

Perkara ini diakui Pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS), Azhar Wahid, ketika membentangkan hasil kajiannya pada sesi pembentangan ijazah tinggi, Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau menganalisis 11 novel Tokoh Wartawan Negara 1988 itu yang dihasilkan sekitar 1960-an hingga 1970-an dengan menggunakan model gabungan daripada Teori Strukturalisme Genetik dan Teori Hegemoni.

"Hanya beberapa pengkaji yang mengkaji ketokohan beliau meskipun pembabitan A Samad dalam persuratan dan kesusasteraan Melayu bermula 1940-an hingga 1960-an, selain terbabit secara langsung dengan perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu, Singapura dan Indonesia," katanya pada seminar yang dipengerusikan Pensyarah APMUM, Prof Madya Dr Zahir Ahmad.

Seminar itu membabitkan pembentangan dua calon ijazah doktor falsafah dan seorang ijazah sarjana muda, turut dihadiri Pengarah APMUM, Prof Madya Datuk Zainal Abidin Borhan; Ketua Jabatan Sastra APMUM, Dr Norhayati Ab Rahman dan Karyawan Tamu APMUM, Tenas Affendi.

Antara calon sarjana muda di Universiti Malaya (UM) yang mengkaji ketokohan beliau ialah Kamariah Che Abdul Rahman lewat *Meninjau Pemikiran Politik di dalam Novel-novel A Samad Ismail* pada 1986.

Tan Chin Kwang pula membuat penelitian, *Latar Belakang Intelektual Penulis Cerpun Melayu Selepas Perang 1946-1970* untuk Ijazah Sarjana Sastra di Universiti Singapura pada 1971 manakala Dr Rashah Bee Abdul Halil (*Novelis-novelis Melayu Selepas Perang: Suatu Analisis Kesedaran dan Pendekatan Mereka Terhadap Masalah-masalah Kemasyarakatan*).

Azhar turut mendedahkan, sarjana Barat yang memberi perhatian terhadap karya A Samad ialah Profesor Antropologi dan Sosiologi di Pengajian Asia Tenggara, Universiti Yale, David J Bank, yang membuat penelitian terhadap perkembangan sastra Melayu moden.

"Masih banyak skop penelitian terhadap ketokohan dan karya kreatif A Samad terutama menganalisis atau menjaya karya dengan menggunakan penerapan teori moden mahupun pascamoden," katanya.

Ketiadaan kajian terhadap ketokohan dan karya A Samad mendorongnya meneliti karya tokoh terbabit dengan menggunakan penerapan analisis Teori Strukturalisme Genetik yang dikemukakan Lucien Goldmann dan menggabungkannya dengan Teori Hegemoni oleh Antonio Gramsci.

"Penelitian ini untuk melihat kesahihan tanggapan bahawa hasil kesusasteraan khususnya novel bukan sekadar bahan kesedaran dan pemikiran pengarang, bahkan menjadi pandangan



MELAPAH KARYA: Naffi (kiri), Zahir, Azhar, Timbalan Pengarah APM, Prof Dr Mohd Mokhtar Abu Hassan dan Tenas Affendi pada Seminar Ijazah Tinggi.



**“**Hanya beberapa pengkaji yang mengkaji ketokohan beliau meskipun pembabitan A Samad dalam persuratan dan kesusasteraan Melayu bermula 1940-an hingga 1960-an, selain terbabit secara langsung dengan perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu, Singapura dan Indonesia”

Azhar Wahid  
Pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS)



**“**Puisi Dharmawijaya seiring dengan perkembangan sosial hidup masyarakat sehingga saya mendapati beliau tidak lari daripada mengungkapkan permasalahan masyarakatnya khususnya yang berhadapan dengan fenomena alam dan diperkatakan secara jujur”

Naffi Mat  
Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM)



MEMPERTAHANKAN HUJAH: Azhar (kiri), Naffi dan Mohd Mokhtar pada sesi pembentangan Seminar Ijazah Tinggi.

dunia kelompok masyarakat pada konteks ruang serta masa seperti ditegaskan Goldmann," katanya.

Novel A Samad Ismail yang diberikan tumpuan dalam kajiannya itu ialah *Patah Sayap Terbang Jua*, *Tembok Tidak Tinggi*, *Hud*, *Kali Panjang Sejangkal*, *Orang Jauh*, *Menduga Lautan Dalam*, *Menimba yang Jernih*, *Detik-detik Cemas*, *Orang Lama*, *Hussin Zer dan Surtinah*.

Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Naffi Mat, pula mengkaji karya Penerima Anugerah Penulis Sea 1993, Allahyarham Datuk Dr Kamaruzzaman Abdul Kadir (Dharmawijaya), menggunakan gabungan Teori Psikoanalisis dan Estetika Sastra.

Pemilihan karya Dharmawijaya untuk

ijazah kedoktorannya berdasarkan kesinambungan dan sikap penyair itu dalam memperkatakan nasib mahupun harapan masyarakat petani seperti dalam tiga kumpulan puisinya, *Wana Maya* yang diterbitkan pada 1974; *Derita Buana* (1992) serta *Jejak Kembara* (1999).

"Puisi Dharmawijaya seiring dengan perkembangan sosial hidup masyarakat sehingga saya mendapati beliau tidak lari daripada mengungkapkan permasalahan masyarakatnya khususnya yang berhadapan dengan fenomena alam dan diperkatakan secara jujur," tegasnya.

Selain itu, Dharmawijaya dikatakan turut memaparkan rasa tanggungjawabnya untuk memberi rangsangan kepada masyarakat untuk memperjuangkan nasib hidup sehingga puisinya memaparkan lambang alam untuk mengaitkannya dengan kelimet hidup.

Kajian kedoktoran Naffi menggunakan Teori Pengkaidah Melayu yang diasaskan Datuk Dr Hashim Awang yang dibentuk daripada dua pengkaidahan, iaitu Pengkaidahan Alamiah dan Pengkaidahan Keagamaan.

Pengkaidahan Alamiah mengandungi Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat, manakala Pendekatan Keagamaan diwakili Pendekatan Dakwah, Pendekatan Masyarakat dan Pendekatan Seni.

"Konteks kajian saya hanya menggunakan Pendekatan Alamiah. Saya menggunakan pendekatan Estetika Sastra dengan memberi tumpuan terhadap Persepsi Estetika yang mengandungi dua ciri penting, iaitu Sikap Estetika dan Pengalaman Estetika yang dua unsur itu saling bantu-membantu," katanya.

Calon sarjana, Mohd Fadzil Baharudin, pula mengkaji karya penyair tersohor dari Terengganu, Allahyarham Abdul Aziz Abdul Rahman (JM Aziz), dengan menganalisis 150 puisinya berdasarkan gabungan Teori Psikoanalisis dan Estetika Sastra.

Kajian sarjannya bermatlamat untuk meneliti hubungan Teori Psikoanalisis dan Estetika Sastra daripada aspek keinginan cinta wanita, kehormatan dan kemasyhuran dalam puisi JM Aziz, selain mengkaji unsur keindahan dalam karyanya.

"Saya juga menggunakan mekanisme bela diri iaitu sublimasi, pindah gantian, intelektualisasi, identifikasi dan represi dan mendapati JM Aziz ada daya kreativiti tinggi kerana dapat menggunakan objek di sekelilingnya seperti laut, ombak, tumbuh-tumbuhan dan khazanah laut untuk berkarya," ujarnya.